



SISTEM PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA, PILIHAN IBU BAPA DAN WARISAN PENDIDIKAN ISLAM ANDALUS: SATU SOROTAN

(Tahfeez Education System in Malaysia, Parental Choice and Andalus Islamic Education Heritage: A Review)

Muhammad Zulazizi Mohd Naw^{1*}, Mohd Rashidi Omar², Muhammad Amirul Mohd Nor³

¹ School of Hospitality, Education and Business Studies (SHB), Management and Science University (MSU), Malaysia

²Kolej Komuniti Chenderoh, Malaysia

³Kolej Vokasional Nibong Tebal, Malaysia

*Corresponding Author: zulazizi0902@gmail.com

Received: 6 January 2021 • Accepted: 22 April 2021 • Published: 30 April 2021

Abstract

This research paper examines the aspects of the importance of tahfeez study in Malaysia which is the choice of parents and the integration of the Andalusian (Spanish) Islamic education corpus in the tahfeez education system in Malaysia. Besides, research in this paper begins with a brief history of the educational progress Quran in the Malay and of religious institutions in Malaysia. Then, the awareness and choice of parents on tahfeez education as well as a brief description of the application of Islamic education Andalusia (Spain) in the tahfeez education system in Malaysia. Finally, the strengthening of the tahfeez institution in nurturing the generation and legacy of quality human beings. This study used the methodology of the library approach. Using documentary methods with scientific writing such as books, journals, proceedings, encyclopedias, which is called document analysis that can help to finish this study. The whole study found that there are elements that contribute to the selection of parents on tahfeez education and aspects of Andalusian Islamic education that can be implemented in the tahfeez education system in Malaysia. It is hoped that this research paper can be a key indicator of the country's tahfeez education policy so that its quality and dignity continue to be improved from time to time.

Keywords: Tahfeez Education System, Parental Choice, Islamic Education, Andalus

Abstrak

Kertas kajian ini mengkaji mengenai aspek-aspek kepentingan pengajian tahfiz di Malaysia yang menjadi pilihan ibu bapa dan pengintegrasian korpus pendidikan Islam Andalusia (Sepanyol) dalam sistem

pendidikan tahfiz di Malaysia. Rentetan itu, penelitian dalam kertas kajian ini dimulai dengan sejarah ringkas kemajuan pendidikan Al-Qurandi tanah Melayu dan institusi tahfiz di Malaysia. Kemudian kesedaran dan pilihan ibu bapa terhadap pendidikan tahfiz serta penghuraian serba sedikit tentang penerapan pendidikan Islam Andalusia (Sepanyol) dalam sistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Akhir sekali, pemantapan institusi tahfiz dalam menatijahkan generasi dan legasi insan yang berkualiti. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan metode dokumentasi, iaitu melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan, ensiklopedia dan lain-lain lagi yang dipanggil sebagai analisis dokumen bagi membantu menyiapkan kajian. Keseluruhan kajian ini mendapati bahawa, terdapat unsur-unsur yang menyumbang kepada pemilihan ibu bapa terhadap pendidikan tahfiz dan aspek-aspek pendidikan Islam Andalusia yang boleh diimplementasikan dalam sistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Diharapkan kertas kajian ini mampu menjadi indikator utama terhadap dasar pendidikan tahfiz negara agar kualiti dan martabatnya terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Kata kunci: Sistem pendidikan tahfiz, pilihan ibu bapa, pendidikan islam, Andalus

Cite as: Mohd Naw, M.Z., Omar, M.R., Mohd Nor, M.A. (2021). Tahfeez Education System in Malaysia, Parental Choice and Andalus Islamic Education Heritage: A Review. *Asian People Journal*, 4(1), 132-147.

PENGENALAN

Kehadiran agama Islam di alam Melayu yang terdiri daripada gugusan serta rantau yang banyak jumlahnya seperti Indonesia, Filipina, Brunei, Pattani, Malaysia dan sebagainya telah berjaya membina satu fenomena baharu kepada ketamadunan masyarakat Melayu di Malaysia (Yahaya, 2001). Catatan sejarah tentang kemasukan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu amat berkait rapat dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka sejak seawal abad ke-15. Perkara ini dinyatakan oleh seorang penyelidik dari Sepanyol, Emanuel Godinho de Erédia (yang bermaksud):

“Akidahnya (Muhammad) telah dibawa di Patani dan Pan-Pan di Wilayah Pantai Timur dan kemudian itu baharulah ia dibawa dan diamalkan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411 Masihi.”

(S.Q. Fatimi, 1963 di dalam penulisan Borham, 2014)

Selain Perlak dan Samudera-Pasai, Melaka dikatakan mengambil alih peranan sebagai pusat penyebaran Islam di mana pada ketika itu, Melaka merupakan sebuah kerajaan yang secara rasmi menerima ajaran Islam telah menjadikan Islam sebagai kepercayaan utama dan hukum hakam Islam sebagai dasar perundangan kerajaan (Awang, 2006 di dalam Meerangani, 2019). Proses Islamisasi berlaku selaras dengan tempat Melaka sebagai sebuah negara pelabuhan antarabangsa dan menjadi tumpuan para pedagang dari seluruh dunia untuk datang menjalankan aktiviti perdagangan (Mohd Balwi, 2005). Aman & Ros (2016) mengatakan bahawa, terdapat juga sebahagian pedagang dari China, Arab-Parsi, Ryukyu, India dan wilayah-wilayah sekitar Asia Tenggara turut menyertai aktiviti perniagaan. Hal ini disebabkan faktor kedudukan geografi Melaka di laluan Selat Melaka yang strategik menghubungkan antara Timur dan Barat di samping ia terlindung daripada tiupan angin monsun Barat Daya ditambah pula kekayaan sumber bumi seperti hasil pertanian dan hasil hutan yang banyak (Ishak & Zakaria, 2000; Mail, 2011; Kamaruddin A. Said, 2007 & Halimi, 2008)

Ada juga pedagang yang terdiri daripada mubaligh Islam seperti para ulama dan ahli-ahli sufi singgah untuk mencari makanan, air, barang keperluan dan pertukaran barang dagangan (UM, 2004). Maka berlakulah pergaulan atau interaksi sosial antara pedagang dengan masyarakat Melayu yang menjalankan urusan harian termasuk juga ada yang mengahwini penduduk Melaka (Ahmad, 2015) dan Melaka akhirnya menjadi pusat pengajian Islam serantau. Seterusnya, peranan institusi keagamaan seperti masjid, surau, madrasah, ribat dan zawiya mula dibangunkan. Tambahan pula, melalui sokongan Sultan Melaka, istana dan rumah pembesar dijadikan sebagai pusat intelektual berskala besar di mana di situlah berkumpulnya golongan cerdik pandai, jurutulis, pengarang dan ulama tersohor. Pendidikan Al-Quran pula mula menjadi salah satu pelajaran wajib yang diajar oleh golongan ulama dan pendakwah kepada setiap strata masyarakat di Tanah Melayu, termasuklah golongan bangsawan dan rakyat jelata (Halimi, 2008 & Ahmad, 2015).

Perkembangan Pendidikan Al-Quran

Bermula abad ke-15 hingga ke-17, sistem pendidikan Islam yang diwujudkan pada waktu itu ialah kelas mengaji Al-Quran melalui guru Al-Quran di kampung atau melalui ulama' dan umarak yang berketurunan Sayyid (Darusalam, 2001; Mohd Nor & Wan Othman, 2011). Antara ulama' yang masyhur pada ketika itu ialah Makhdom Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadi Yusuf, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin (Khalid, 2002). Sementelahan pula, pendidikan Al-Quran juga merupakan subjek pengajian utama yang perlu dipelajari oleh semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal (Adam, 1991). Pada waktu itu juga, masyarakat tempatan mula mempelajari beberapa perkara asas dalam Islam seperti ilmu fardu ain, fardu kifayah, rukun Islam, rukun Iman, ilmu Fiqah, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah Islam termasuklah juga aktiviti penulisan huruf campuran berbentuk hijaiyyah dari Arab dan Iran yang dipanggil tulisan jawi di mana menjadi tunjang kepada pembacaan Al-Quran serta kitab kuning (Abdullah, 2001; Ishak, 1995). Menurut Ishak (1995) lagi, bentuk, gaya dan silibus pendidikan hampir sama dan tidaklah berbeza daripada amalan pendidikan yang dilakukan di zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat serta tabiin iaitu penekanan yang dibuat kepada pembacaan, penulisan dan pengajian Al-Quran di samping ilmu-ilmu asas agama.

Abdullah et. al (2015b) mengatakan bahawa, penyebaran agama Islam sebelum abad ke 18 pada waktu itu sebenarnya mengalami kesukaran dari segi bilangan tenaga pengajar, fasiliti institusi atau tempat pengajian dan prasarana infrastruktur. Jadi bagi mengatasi masalah ini, proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan tentang asas Islam serta Al-Quran telah dibuat di rumah-rumah Pak Lebai atau tuan guru sebagai tempat mempelajari ilmu agama Islam. Pengajaran pendidikan tentang asas Islam ini juga turut berkembang secara efisien apabila berlakunya pengintegrasian golongan ulama dan pendakwah dari Timur Tengah ke Tanah Melayu kemudian diikuti oleh ramai para pembesar istana dan masyarakat yang telah memeluk Islam (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010; Ishak, 1990, Amin & Jasmi, 2012). Lokasi dan kedudukan istana sebagai "main center" dalam pendidikan dan penyebaran ajaran Islam ini pula berterusan sehinggalah pengaruh kolonial Inggeris meresap masuk ke tanah Melayu pada abad ke-18 Masihi.

Pada era kolonial British pula, penghakisan pendidikan Al-Quran di tanah Melayu dicucuk secara halus melalui ideologi sekular dan liberal yang bermula pada tahun 1816 melalui penubuhan Penang Free School oleh seorang paderi tentera iaitu Rev. R.S. Hutching (Turnbull, 1972 di dalam Idris, 2016). Kemudian ditambah lagi dengan sekolah yang seumpamanya seperti Malacca High School dan Victorian Institution di Kuala Lumpur (Abdul Manaf, 2001). Kewujudan sekolah inggeris sebenarnya kurang dirasai oleh penduduk-penduduk Islam pada ketika itu kerana sekolah pondok, madrasah dan sekolah arab masih memainkan peranannya dalam memastikan

pengekalan tradisi pendidikan Al-Quran di tanah Melayu. Menurut Surtahman (2009) sebagaimana yang termaktub di dalam penulisan Rawi et al. (2015), pada awalnya pondok dibangun sebagai suatu tempat ritualisasi, akan tetapi penggemblengan untuk memartabatkan pendidikan Al-Quran mula dilakukan secara intensif di pondok-pondok yang mempunyai rumah ibadat atau masjid pada waktu malam dengan dihadiri oleh ramai orang. Oleh sebab itulah, pondok akan terus dianggap sebagai suatu tempat pengajian yang didirikan atas pengorbanan para ulama, pendakwah dan masyarakat sekeliling.

Institusi pondok terus berevolusi sehingga tertubuhnya pusat-pusat pondok yang terkenal dan masyhur dengan pengajian Al-Quran sama ada di Tanah Melayu atau di nusantara pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 (Kamaruddin et al., 2017). Terdapat beberapa buah pondok di beberapa buah negeri seperti Pondok Pasir Tumbuh di Kelantan, Pondok Lubuk Tapah di Kelantan, Pondok Pasir Mas di Kelantan, Pondok Lanai di Baling Kedah, Pondok Tn Guru Hj Salleh di Seberang Pekan Sik, Kedah, Pondok Lubuk Pandan di Marang, Terengganu, Pondok Jabi di Jabi, Terengganu, Pondok Bukit Keledang, Mengkarak di Pahang dan lain-lain lagi. Namun, pondok yang paling tertua dibina di Kelantan dan di Malaysia adalah Pondok Tok Pulau Chodong di Kelantan pada tahun 1820 oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah (Abdullah & Yakob, 2003; Sidek, 2019). Struktur pendidikan Al-Quran di pondok lazimnya bermula dengan pengaruh yang kuat daripada tuan guru sama ada dalam atau luar negara (Ramli & Abu Bakar, 2013). Para alumni pondok pula merupakan individu yang berpengaruh dan sangat penting kerana banyak mengetahui sesebuah kawasan atau institusi keagamaan seperti masjid, surau dan pejabat agama bagi memberi khidmat masyarakat secara percuma.

Menurut Kementerian Pendidikan Tinggi (2010) & Halimi (2008), lokaliti pondok merupakan tanah milik tuan guru atau tanah wakaf yang acapkali dijumpai di kawasan persisiran pantai atau sungai dan lazimnya dibangunkan secara tradisional sama ada daripada kayu papan, daun nipah atau daun pandan mengkuang. Bentuk dan fasiliti bilik kuliah pula hanya terdiri daripada kayu papan manakala meja dan kerusi pula direkabentuk sendiri oleh pelajar. Mengenai mata pelajaran pula, ia meliputi bidang agama dan akademik, contohnya;

1. Ilmu Agama
Al-Fiqh, al-Usul al-Fiqh, at-Tafsir, al-Hadis, al-Mustalah al-Hadis, at-Tauhid, Usul ad-Din, at-Tajwid, as-Sirah dan at-Tasawuf.
2. Ilmu Bahasa
An-Nahu, as-Saraf, al-Balaghah, al-Arudh, al-Qafiyah, al-Insyak dan al-Mutalaah
3. Ilmu Matematik, Falsafah, Sains dan Teknologi
Al-Hisab, al-Falak, al-Faraid, al-Hayat (al-Insan wa al-Hayawan), at-Tibb, al-Alam dan Mantiq

Amin & Jasmi (2012) sebagaimana di dalam penulisan Abdullah et al. (2015b) tradisi pengajian Al-Quran memang tidak terpisah dengan penghafalan surah al-Fatihah kerana surah al-Fatihah merupakan teras kepada semua bentuk permulaan ibadat terutamanya solat. Untuk metode pengajaran dan isi kandungan pengajian tahfiz pula biasanya berdasarkan apa yang telah dialami (pengalaman) oleh tuan guru.

Kemajuan Pendidikan Tahfiz di Malaysia

Trend yang berlaku hari ini menampakkan bahawa, umat Islam telah sedar akan keberkesanan, kebaikan dan martabat orang-orang yang menghafal Al-Quran. Hal ini juga telah mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah aliran tahfiz (Ulwan, 2015). Bagi mereka, sistem pengajian tahfiz yang memiliki dwi sistem iaitu sistem akademik dan sistem keagamaan atau hafalan Al-Quran adalah setanding dengan kehendak pasaran global. Sememangnya gelaran seorang “al-hafiz” atau “al-hafizah” adalah sangat tinggi nilainya sama

ada di sisi Allah s.w.t ataupun dalam sudut pandang masyarakat sekarang (Ismail, 2018). Jadi bagi merealisasikan suatu sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, maka berlakulah penubuhan institusi tahfiz yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Hakikatnya, sejarah menghafaz Al-Quran di Malaysia secara rasminya bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz pertama yang diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj pada tahun 1966 dan idea penubuhan Maahad Tahfiz ini teretus ekoran daripada Musabqah Al-Quran yang diadakan pada tahun 1960 serta lawatan mantan Rektor Universiti Al-Azhar almarhum Sheikh Mahmud Syaltut ke majlis perasmian di Masjid Negara Mohd (Ismail et al., 2017; Md Nawi et al., 2014; Abdullah et al., 2015b; Mohd Noor, 1993).

Dari tahun 1966 sehingga tahun 1992, proses penstrukturan sekolah tahfiz masih terjadi dengan pengajian bidang Tahfiz Al-Quran diletakkan di bawah bidang kuasa dari pelbagai pihak kelolaan seperti Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara, Pusat Penyelidikan Islam, Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Cawangan di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dan akhirnya di bawah JAKIM (Hameed *et al.*, 2003). Kemudian, nama pengajian ini pada permulaannya diberi nama 'Maahad tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat' seterusnya telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran (Darul Quran, 2006)

Kesedaran Dan Pilihan Ibu Bapa Terhadap Pengajian Tahfiz

Kecenderungan mendalam masyarakat terhadap pendidikan agama aliran tahfiz sebenarnya adalah sangat tinggi. Menurut ahli Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) Prof Datuk Dr. Abd Halim Tamuri adalah dipetik menyatakan faktor ibu bapa giat mencari rezeki ekoran kenaikan kos sara hidup ini menyebabkan ustaz dan ustazah dalam bidang tahfiz dewasa kini mengambil alih tugas serta tanggungjawab mendidik anak-anak sama ada ilmu duniawi atau ukhrawi (Abdullah, 2018). Sebagai ibu bapa, kita sudah tentu mempunyai pengaruh, peranan utama dan peluang yang sangat cerah bagi membentuk konsep sendiri unggul untuk anak-anak sehinggakan ada sesetengah ibu bapa sanggup menghantar salah seorang atau setiap orang daripada anak-anak mereka untuk belajar di sana. Hal ini disokong oleh kenyataan akhbar yang mengesahkan daripada pakar motivasi keibubapaan, Dr. Rozietta Shaary bahawa, realitinya memang ramai ibu bapa pada hari ini bukan sahaja menggalakkan anak-anak ke tahfiz bahkan ada sampai tahap yang 'memaksa' anak-anak mereka agar dapat menunaikan cita-cita mereka yang dahulunya mereka sendiri tidak dapat laksanakan. Persepsi ibu bapa terhadap anak-anak diibaratkan kain putih dan ibu bapalah yang mencorakkan masa depan mereka, ibu bapa cuba 'mendorong' agar anak-anak memilih sekolah tahfiz yang telah ditentukan mereka (Kamaruddin, 2017).

Tidak dapat dinafikan bahawa, penempatan yang disediakan oleh pihak pengurusan tahfiz adalah terhad. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan setiap tahun, perkembangan sekolah-sekolah aliran tahfiz atau aliran menghafal Al-Quran bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan (Mohd Nawi et al., 2020). Apa yang lebih menarik lagi, ada segelintir pihak pengurusan tahfiz persendirian atau swasta merekacipta suatu silibus yang menjadi model dan sumber utama dalam pengajian di institusi mereka. Terdapat institusi yang menawarkan bidang pendidikan hafazan Al-Quran di peringkat sijil, diploma dan ijazah serta ada juga institusi yang membuka kursus hafazan Al-Quran dengan berbagai-bagai peringkat pendidikan sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah atau pra persekolahan atau pusat asuhan kanak-kanak (Md Nawi et al., 2014). Ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan dan manhaj agama atau tahfiz semakin mendapat tempat di hati masyarakat kita.

Sesungguhnya, program pengajian tahfiz telah mendapat reaksi yang baik daripada ibu bapa yang cenderung untuk melihat dan mengasah kebolehan semula jadi anak-anak mereka dalam bidang agama beraliran

tahfiz dengan tujuan untuk melahirkan seorang manusia bersahsiah cemerlang dan berkeperibadian tinggi (Abd Razak et al., 2018). Menurut kenyataan akhbar oleh mantan Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dr. Ibrahim Hashim, pengajian beraliran tahfiz semakin mendapat persepsi yang positif dalam kalangan masyarakat berikutan pelajarannya telah didedahkan dengan acuan Al-Quran dan pengetahuan agama serta disuntik dengan elemen akhlak Islamiah. Penuntut aliran agama dan tahfiz dididik dengan ilmu naqli (agama) dan aqli (akademik) secara kamil. Semestinya, mereka boleh berkecimpung dalam semua bidang kerana memiliki kelebihan yang belum pernah dimiliki pelajar biasa terutama dari aspek ilmu agama, aktiviti keagamaan serta nilai tambah yang sangat diperlukan oleh negara serta pasaran pekerjaan pada zaman kini (Che Lah, 2017). Anak-anak yang dilingkari dengan akhlak dan patuh kepada kehendak agama juga menjadi asbab yang membolehkan pelajar hafazan di institusi tahfiz, mengingat 6,236 ayat daripada 30 juzuk Al-Qurandi kepala dengan baik. Oleh sebab itu, sistem pendidikan tahfiz dalam negara kita sebenarnya mempunyai banyak pilihan dan bentuk. Sebahagian daripada pihak pengurusan tahfiz hanya memberikan fokus sepenuhnya terhadap aspek hafazan Al-Quran (Jamaluddin, 2010; Ariffin, 2012).

Tambahan sebahagiannya pula yang lain, ada memberi penumpuan kepada beberapa jenis aspek mengikut manhaj dan metode yang berpelbagaian selain daripada menumpukan hafalan Al-Quran seperti pengajian akademik yang ditawarkan oleh sekolah aliran umum, pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab atau jawi lama, pengajian aliran sains, pengajian berkenaan kemahiran-kemahiran tertentu (teknikal atau vokasional) dan lain-lain lagi (Abdul Manaf, et al., 2015; Talib, et al., 2017). Kaedah yang bervariasi ini diandaikan mempunyai implikasi, tujuan dan penanda aras yang berbeza antara pelbagai pihak yang terlibat. Konklusinya, pihak ibubapa tentunya mempunyai halatuju dan justifikasi yang tuntas serta tersendiri mengenai pemilihan tempat dan jenis institusi tahfiz tersebut.

Hasrat dan Cita-cita

Menurut kenyataan akhbar daripada Naib Pengerusi Pengelola, Madrasah Tahfiz al-Furqan, Mohd Samudin Mohd Samian yang menyatakan bahawa, kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan membawa anak-anak ke pusat-pusat tahfiz negara kian bertambah setiap tahun. Mungkin mereka tahu bahawa, anak-anak mereka memerlukan bekalan ilmu naqli di samping cemerlang dalam ilmu aqli. Walaupun mempunyai kecemerlangan ilmu aqli akan tetapi sekiranya ilmu naqli dibiarkan sudah pasti tidak akan memberikan apa-apa keuntungan (Raieh, 2017). Sejak dua dan tiga dekad kebelakangan ini memang kita dapat melihat ramai pihak sama ada individu atau organisasi yang membangunkan institusi tahfiz Al-Quran mempunyai cita-cita, hasrat, objektif yang tersendiri dan impian menggunakan dalam memartabatkan ilmu agama terutamanya dalam bidang pengajian tahfiz Al-Quran dan As-Sunnah dalam kalangan pelajar Islam (Muhammad Ismail, 2004).

Hal ini turut terjadi dalam kalangan pihak bukan kerajaan (NGO), kerajaan negeri dan kerajaan pusat apabila ketiga-tiganya memainkan peranan masing-masing mereka bentuk suatu sistem pengajian tahfiz Al-Quran serta berlumba-lumba ingin menjadi sebuah badan organisasi utama supaya mutu hafazan Al-Quran dan hadis dapat ditingkatkan di semua tahap pengajian baik di tahap rendah mahupun di institusi pengajian tinggi. Harapan dan matlamat antara ketiga-tiga pihak tersebut mungkin relevan antara satu sama lain dan mungkin juga berbeza atau bertentangan antara satu sama lain.

Bagi segelintir ibu bapa, kemungkinan mereka mahukan matlamat akhir pengajian tahfiz buat anak-anak mereka tersebut ialah untuk melahirkan anak-anak seperti golongan ulama-ulama terdahulu atau kontemporari seperti Imam Nawawi, Imam Syafie, Sheikh Dr. Bakar Abu Zaid, Sheikh Dr Fathi Yakan, Sheikh Imam Prof. Dr

Yusoff Al-Qaradhawi, Sheikh Prof. Abd Wahab al-Khallaf, Sheikh Imam Prof. Muhd Abu Zuhrah, Sheikh Prof. Dr Wahbah Mustafa Az-Zuhayli, Sheikh Prof. Dr Said Ramdhan Al-Buti dan lain-lain lagi. Ada juga sesetengah ibu bapa yang lain pula mungkin lebih berhasrat untuk melahirkan anak-anak mereka yang sama seperti sekelompok cendekiawan muslim yang hebat seperti Ibnu Batutah, Abu Musa Jabir Bin Hayyan, Al-Farabi, Ibnu Rusyd, Ibnu Sina, al-Khawarizmi dan sebagainya. Ada juga sesetengah ibu bapa yang juga mahukan melahirkan anak-anak mereka sebagai generasi Al-Quran profesional (teknokrat hafiz), generasi berakhlak mahmudah lagi bertakwa, berilmu, berkeperibadian tinggi, tidak menyusahkan masyarakat dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah yang dinamik.

Nilaian Syurga

Seterusnya, kenyataan akhbar oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pengarahnya, Datuk Haris Kasim bahawa, sebelum ni kebanyakan sekolah agama dan tahfiz menjadi kriteria terakhir akan tetapi zaman sekarang, tidak lagi. Fenomena ini dapat dilihat apabila ramai ibu bapa ingin membawa anak-anak mereka ke institusi agama dan tahfiz sehinggakan banyak rayuan yang diterima oleh pihaknya. Perkara ini berlaku disebabkan wujudnya sistem pengajian yang lebih baik dan teratur, anak-anak memiliki halatuju yang cerah di samping dapat mempamerkan sahsiah yang baik kepada keluarga dan komuniti setempat menyebabkan pusat tahfiz kini menjadi kegilaan ramai (Zakaria, 2017). Selain itu, tidak dinafikan bahawa, terdapat bukti-bukti yang mapan berkaitan orang yang mempelajari, mengajarkan, menghafaz dan mengamalkannya.

Selain itu, ibu bapa juga akan mendapat keistimewaan tersebut kerana disebabkan merekalah yang menyebabkan anak-anak mereka mencintai Al-Quran (Masyhuri, 1993; Yahaya, et al., 2018). Tambahan pula, Al-Quran mempunyai banyak hikmah yang tersurat dan tersirat di dalamnya dan orang yang sentiasa melaziminya akan bertambah keberkatan di dalam kehidupannya dan kehidupan orang di sekelilingnya. Menghafal Al-Quran juga adalah aktiviti yang sangat dibenci syaitan dan sekutunya, dan sekaligus menjadi kekuatan paling berkesan dalam menentang serta membanterasnya. Allah s.w.t telah menjanjikan kelebihan bagi mereka yang menghafal Al-Quran.

Akhirnya, Allah s.w.t akan memberikan kepada sesiapa yang mempunyai sifat sayangkan Al-Quran dan seterusnya memberikan kepada hamba-hamba-Nya akan keturunan yang sentiasa mendekati Al-Quran di dalam kehidupannya dan Allah s.w.t akan memberikan kepada sesiapa sahaja keistimewaan dengan menjadikan Al-Quran sebagai pendamping serta pemberi syafaat di hari kiamat nanti (Irsyad al-Hadith Siri ke-111, 2016)

Daripada Ali bin Abi Thalib ra, bahawa Nabi saw bersabda:

Maksudnya: *“Barang siapa yang membaca dan menghafal Al-Quran lalu menghalalkan yang halal di dalamnya dan mengharamkan yang haram di dalamnya nescaya Allah akan memasukkannya dengan sebab itu ke dalam jannah, dan menerima syafa’atnya untuk 10 orang daripada keluarganya yang kesemuanya mesti masuk ke dalam neraka”*.

[Riwayat al-Tirmizi, no. Hadith 2905]

Berdasarkan hadis di atas jelas menunjukkan bahawa, seorang hafiz Al-Quran mampu memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarga. Walaupun begitu, dalam Al-Quran tidak terdapat ayat yang menceritakan tentang seorang yang hafiz atau menghafal Al-Quran mampu memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya. Begitu juga dengan hadis berkait dengan kelebihan membaca, mempelajari dan menghafal Al-Quran sebagaimana di bawah:

Daripada Buraidah al-Aslamy r.a, bahawa Nabi s.a.w bersabda:

Maksudnya: “Akan dipakaikan di kepalanya mahkota dan kedua ibu bapanya akan diberi perhiasan yang tidak boleh dinilai oleh penduduk dunia. Lalu mereka bertanya: “Mengapa kami diberi perhiasan seperti ini?”. Allah menjawab: “Kerana anak kamu mempelajari al-Quran?”. Kemudian dikatakan kepadanya: “Bacalah dan naiklah ke tingkat syurga dan bilik-biliknya”. Dia akan terus naik selama dia membaca (ayat al-Qur’an)”.

[Riwayat Ahmad, 38/42, no. Hadith 22950]

Sebagai kesimpulannya, apabila diteliti segala dalil-dalil yang dinyatakan jelaslah bahawa, sesiapa yang menghafal dan membaca Al-Quran selalu Allah akan menambahkan keberkatan di dalam kehidupannya dan dirinya semakin dekat dengan Allah swt.

Celik Agama

Menurut Ismail (2016), pembentukan manusia dalam sesebuah tamadun memerlukan dua aspek pembangunan iaitu pembangunan fizikal (kemajuan ekosistem individu, masyarakat dan negara) dan pembangunan akhlak yang baik. Hakikatnya, rakyat di negara ini sudah menikmati kemajuan dan pembangunan yang berkembang seiring dengan peningkatan taraf hidup yang baik. Namun, bagi konteks pembangunan akhlak ini adalah berbeza, terutama sekali dalam aspek pendidikan. Anak-anak telah dihantar ke tempat-tempat pendidikan bermula dari tadika sehinggalah ke peringkat menara gading bagi membentuk pemikiran, sahsiah, perangai dan tingkah laku mereka yang cemerlang (Ahmad, 2004). Walaupun begitu, pelbagai pihak mulai menyedari akan pendidikan Islam yang mempunyai aliran tahfiz ini. Mereka mula memahami potensi aliran tahfiz sangat baik untuk pembinaan modal insan yang memahami, menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam secara holistik.

Kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan dan swasta jelas sama-sama membantu dalam menyemarakkan syiar Islam ini. Menurut kenyataan akhbar oleh Mudir Madrasah Pusat Pengajian Asas dan Lanjutan Tahfiz (PPALT) Badrulhisham Ibrahim adalah dipetik menyatakan bahawa, masyarakat memilih tahfiz adalah disebabkan tahfiz merupakan suatu pendekatan terbaik mendidik anak-anak, sekali gus mencegah mereka terjebak dalam penyakit sosial. Pendekatan itu jelas membuktikan penyakit sosial remaja masa kini mampu dicegah menerusi pendekatan agama terutama Al-Quran, tetapi ia memerlukan kesungguhan buat ibu bapa dan golongan pendidiknya (Hassan, 2016).

Selain itu, rancangan mengenai dasar keagamaan kian menjadi daya tarikan terhadap masyarakat. Banyak masjid-masjid telah dibina yang bukan sahaja sebagai lambang keunikan Islam bahkan telah diimarahkan sebaiknya. Kesedaran beragama (keimanan dan ketakwaan) ini adalah penting untuk semua apabila masyarakat telah mula memahaminya. Maka ia sudah tentu dapat memandu umat Islam di negara ini dalam menjalani kehidupan yang lebih baik. Sedar betapa pentingnya Islam itu untuk pembangunan insan, ramai ibu bapa mahu menghantar anak-anak mereka untuk diasuh dan ditarbiah dengan nilai-nilai serta kejiwaan Islam. Melalui kesedaran inilah semakin banyak pusat tahfiz di seluruh negara mula berkembang termasuklah institusi pengajian Islam. Akibat dari keghairahan ibu bapa kerap kali memilih tahfiz menyebabkan institusi tahfiz terbentuk kepada tiga iaitu (Ismail, 2016; Md. Nawi, 2014):

1. Institusi tahfiz yang ditubuhkan di bawah kerajaan Malaysia
2. Institusi tahfiz yang ditubuhkan di bawah kerajaan negeri
3. Institusi tahfiz yang ditubuhkan di bawah persendirian

Era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita telah menjadikan institusi tahfiz lebih kreatif dalam menawarkan kursus pengajian di institusi mereka sama ada melalui institusi di bawah kerajaan Malaysia atau di institusi yang lain selaras dengan dasar-dasar pendidikan dalam arus modenisasi negara. Umum mengetahui bahawa, institusi tahfiz sekarang telah mula mengimplemenstasikan ilmu nakliah (wahyu) dengan ilmu-ilmu akademik yang lain (Md Nawi et al., 2014). Bahkan ada yang lebih *advance* (ke hadapan) dengan menggabungkan ilmu nakliah (wahyu) dengan ilmu-ilmu kemahiran atau teknikal vakasional yang berkonsepkan Islamik. Ini berlaku dengan banyak sekali di peringkat menengah dan pengajian tinggi. Begitu juga dengan pendekatan baharu yang melibatkan pengintegrasian ilmu nakliah (wahyu) dengan *Science Stream* (Sains Tulen) dan teknologi moden telah mencetuskan suatu fenomena baharu dalam sistem pendidikan Islam di negara kita.

Di samping itu, kewujudan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang ditetapkan sangat penting untuk melahirkan Teknokrat Muslim yang hafiz-holistik. Reka bentuk hafazan yang digunapakai memfokuskan pengintegrasian antara pengajaran tahfiz dan pembelajaran autonomi. Disebabkan hal inilah terdapat berbagai-bagai variasi sekolah agama tahfiz yang wujud dan pelbagai pihak berusaha melaksanakan pengajian tahfiz dalam bentuk 'core system' sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan pihak seperti kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, pihak swasta dan individu persendirian. Hasil yang jelas daripada pelaksanaan kurikulum ini ialah bertambahnya pusat tahfiz yang dibuka saban tahun ini. Berikut adalah beberapa contoh sekolah atau sistem pendidikan Islam beraliran tahfiz yang cuba dilaksanakan di peringkat sistem persekolahan pada zaman sekarang ini (Tamuri & Jasmi, 2009; Ahmad, N. 2015; Mohd Arshad, 2015):

1. Sekolah
 - Sekolah IMTIYAZ Terengganu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)
 - Sekolah Menengah Agama Kebangsaan (SMKA)
 - Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
 - Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)
2. Institusi pengajian tinggi kerjasama dengan Darul Quran
 - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
 - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
 - Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
 - Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)

Pengintegrasian Pendidikan Islam Andalusia (Sepanyol) Dalam Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia

Pembudayaan Pendidikan Islam

Pengintegrasian budaya pendidikan Islam perlulah diterapkan dalam institusi tahfiz di Malaysia seperti mana pada zaman kecermerlangan Islam di Andalus. Penyebaran pendidikan Islam di Andalus digerakkan secara menyeluruh meliputi unsur aqliyah, jasmaniah, akhlak dan dakwah. Perkara ini telah berlaku pada zaman pentadbiran para sahabat r.a dan tabiin ketika perluasan wilayah-wilayah Islam sehingga menjadi titik permulaan terhadap perkembangan pendidikan Islam di Andalus (Yusof, 2008). Para pelajar tahfiz juga perlulah diterapkan dengan pelbagai disiplin sebagai pengajian utama bertepatan dengan kriteria perkembangan pendidikan Islam di Andalusia yang merangkumi bidang tafsir, qiraat, ulum Al-Quran dan lain-lain (Yusof, 2008; Abd Latip, 2018)

Silibus Pendidikan Islam

Institusi tahfiz hendaklah mempunyai peringkat-peringkat yang tertentu mengikut tahap umur. Menurut Hasbullah (1998) sebagaimana di dalam penulisan Abd Latip (2018), bentuk pendidikan Islam pada era kegemilangan umat Islam di Andalus terbahagi kepada beberapa tahap seperti rendah, menengah dan tinggi. Untuk kanak-kanak yang berusia enam hingga tujuh tahun diletakkan pada kategori rendah iaitu menfokuskan pembelajaran mengenai asas-asas pendidikan Islam bagi amalan harian. Manakala pada tahap menengah pula kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih serius melalui penubuhan madrasah oleh para cendekiawan daripada pelbagai bidang dan ilmu pendidikan Islam. Pendidikan di tahap tertinggi pula mengetengahkan bidang yang dianggap kritikal seperti perubatan, sains, fizik, kimia, bahasa dan kesusasteraan Arab (Abd Latip, 2018).

Metode Pendidikan Islam

Ruang lingkup pelbagai aspek dan elemen dalam pendidikan Islam di Andalus juga amat relevan dijadikan metode utama dalam pembaharuan institusi tahfiz di Malaysia. Menurut Sertima (1991) dalam Amir (2018), kerangka Islamisasi dalam kurikulum di Andalus adalah berdasarkan catatan yang dibuat oleh Abu Muḥammad ‘Ali ibn Aḥmad ibn Said ibn Ḥazm al-Zahiri (994M-1064M) iaitu menekankan pendidikan Islam di dalam al-Quran, sunnah nabawiyyah, bahasa, fiqh, falsafah, nahu soraf, ilmu falak, sejarah, ilmu hisab dan ilmu perubatan.

Di samping itu, masjid juga bukan sahaja berfungsi sebagai rumah ibadat semata-mata bahkan turut dianggap sebagai wahana am dalam penyebaran ilmu asas pendidikan Islam bagi anak-anak orang Islam (Ahmad, 2004). Menurut Abd. Latip (2018), Abd Al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Khaldun (1332M-1406M) menyatakan pendekatan pendidikan orang Islam di Andalus sangat istimewa kerana menekankan pendidikan berteraskan Al-Quran terlebih dahulu sebelum memberikan perhatian terhadap ilmu-ilmu yang lain (Yusof, 2008)

Falsafah Pendidikan Islam

Dalam usaha mengintegrasikan elemen-elemen pendidikan Islam di Andalus terhadap institusi tahfiz di Malaysia, pendekatan falsafah pendidikan yang dilakukan di Andalus seharusnya diimplementasikan. Falsafah pendidikan Islam di Andalus ialah menjurus kepada pembentukan nilai-nilai moral dan kemanusiaan seperti *Rabbaniyyah* (ketuhanan), *al-Takamul wa al-Syumul* (kesempurnaan dan lengkap), *Mu’tadil* (sederhana), *Ukhwah wa Jamaah* (persaudaraan dan berkumpul), *‘Alamiyah* (sejagat), *Waqi’eyah* (realistik), *Thibath wa Murunah* (anjali dan fleksibel), insaniah (kemanusiaan) dan inqilabiyyah (keseluruhan) dan *Ijabiyah wa Banaat* (positif dan membangun) (Al-Khuli, 1985; Abd. Latip, 2018)

Pembangunan Intelektual Islam

Institusi tahfiz di Malaysia hendaklah menjadi medan percambahan ilmu pendidikan Islam seperti yang terjadi pada zaman keagungan Islam di Andalus. Abd. Latip (2018) menyatakan bahawa, orang Islam hendaklah memiliki satu budaya positif yang wajib diamalkan misalnya suka mewujudkan perpustakaan dan berlumba-lumba mengumpulkan hasil penulisan sendiri (Ahmad, 2004). Perkara ini menunjukkan bahawa, budaya cintakan ilmu adalah suatu perbuatan yang disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat Islam di Andalus.

Pemantapan Institusi Tahfiz Dalam Menatijahkan Generasi Dan Legasi Insan Yang Berkualiti

Pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan pencapaian institusi tahfiz di Malaysia. Namun, masih banyak komponen dan ruang perlu diperkasakan bagi memantapkan institusi tahfiz sebagai institusi pengajian terunggul di peringkat global. Ruang lingkup pemantapan seperti penstrukturan pengurusan, peningkatan kualiti pedagogikal guru, pelaksanaan program pendidikan, penaiktarafan dan pengiktirafan, pemantapan kebolehan kepimpinan,

pemantapan budaya serta sosial, pemantapan pengurusan urus tadbir dan penjanaan daya saing institusi tahfiz perlulah realistik merangkumi perkara-perkara yang melibatkan rupa serta imej agar setaraf dengan pusat-pusat pendidikan arus perdana yang lain. Institusi tahfiz sewajarnya memainkan peranan penting bukan sahaja untuk melahirkan sumber manusia yang profesional bertaraf dunia dalam bidang-bidang pendidikan Al-Quran, malah membangunkan potensi modal insan yang dapat memenuhi dan meningkatkan peradaban ummah.

Pemeriksaan Pengurusan Pendidikan

Keberkesanan dan kecemerlangan sesebuah institusi tahfiz didasari oleh kemampuan dan keupayaan pengusaha tahfiz untuk menangani kepincangan kepimpinan dan pengurusan secara teratur dan terancang. Dalam konteks ini, pengusaha tahfiz perlulah berusaha ke arah mewujudkan suatu sistem pengurusan pendidikan yang baik bukan sahaja bagi memastikan melancarkan perjalanan pentadbirannya, malahan dapat menghasilkan produk iaitu pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang yang mampu memenuhi kehendak pasaran. Jika dilihat secara mendalam lagi, beberapa langkah yang boleh dilakukan untuk mencapai standard pengurusan yang terbaik seperti perancangan pengurusan, keberkesanan pentadbiran pejabat, pengurusan pencarian sesuatu perkara yang strategik, pengurusan kurikulum dan kokurikulum yang baik, kemudahan dari segi fasiliti, kebergunaan sumber-sumber pengurusan, pembangunan sumber manusia dan peningkatan perhubungan antara satu sama lain.

Pemeriksaan Kepemimpinan dan kepimpinan

Pemeriksaan kepimpinan dan kepemimpinan perlu dibuat bagi melahirkan generasi huffaz yang berkualiti, bersepadu dalam pembangunan, berpengetahuan, berkemahiran, berintelektual, berdaya maju, kritis dan kreatif. Dalam masa yang sama, pembentukan struktur organisasi yang sistematik perlu dilakukan bagi mencapai objektif untuk memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz yang setanding dengan mana-mana institusi pendidikan yang lain. Pelaksanaan bengkel tadbir urus juga perlu diberikan supaya dapat mengetengahkan pengetahuan tentang penyelarasan garis panduan yang lebih tersusun. Seorang pemimpin instruksional yang sebenarnya sepatutnya menjadi agen perubahan dalam mewujudkan persekitaran di sekolah yang selesa dan kemudiannya dapat memberi impak yang signifikan dalam kecemerlangan pelajar di samping setiap ahli-ahli dalam organisasi juga berperanan terhadap memberi sokongan dan penekanan dalam pembangunan modal insan yang huffaz tersebut.

Pemeriksaan Standard Profesionalisme Tenaga Pengajar

Menurut Abd Rahman Abd Ghani (2016), untuk membentuk produk huffaz yang berkualiti di pasaran tempatan ataupun antarabangsa, seorang guru tahfiz perlu dibentuk dengan cemerlang melalui tahap profesionalisme dalam bidang komponen dan pedagoginya. Aspek komponen adalah penguasaan segala isi kandungan dalam Al-Quran. Dengan kelancaran bacaan Al-Quran diikuti pengetahuan tajwid yang baik di samping ingatan hafalan Al-Quran yang kuat. Manakala aspek pedagogikal pula adalah kesediaan guru menggunakan cara, metode dan strategi dalam pengajaran secara berkesan seperti penggunaan set induksi, penggunaan ABM seperti laptop dan LCD, cara berinteraksi atau berkomunikasi dua hala dengan pelajar secara baik, dan bijak dalam pengurusan bilik darjah.

Seterusnya, guru-guru juga perlu diberikan latihan berkenaan pengajaran abad ke-21 melalui pusat latihan guru untuk melatih guru-guru tahfiz supaya institusi dan sekolah aliran tahfiz tidak jauh ketinggalan daripada sistem pendidikan arus perdana. Oleh itu, dalam konteks membina keupayaan tenaga pengajar institusi tahfiz yang memiliki kualiti yang bersifat kontemporari dan relevan dengan zamannya, beberapa kriteria perlu diberikan perhatian iaitu berpotensi menerima perubahan, mengutamakan kualiti pengeluaran dalam bidang kerjayanya, sentiasa peka dan mengikuti perkembangan semasa, memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat sebaiknya, bersikap proaktif dan sentiasa berani mencuba (Ahmad, 2015).

Pemerkasakan Aktiviti Pengayaan

Hakikatnya, menghafaz Al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi untuk mencapai jumlah sasaran ayat-ayat yang perlu dihafaz pada satu-satu masa. Justeru, bagi melahirkan produk huffaz yang terus bersinar dan sentiasa terbaik sepanjang masa, Abdul Hadi & Abd Latif (2016) di dalam penulisannya menyatakan bahawa, antara kaedah yang dominan boleh digunakan memastikan hafalan dapat dikekalkan oleh para huffaz sepanjang masa iaitu:

1. Program *murajaah* dan *taqrir*
Boleh dilaksanakan di mana-mana tempat yang boleh memberikan ketenangan. Pelaksanaan kem *murajaah* ini bertujuan memberikan ruang untuk pelajar mengulang kaji hafazan lama dalam situasi lain yang lebih menyeronokkan di samping dapat mengekalkan dan mengukuhkan ingatan. Antara tempat yang menjadi pilihan ialah di pantai-pantai atau rekreasi lainnya.
2. Hafazan sekali dengan terjemahan ayat.
Kaedah ini dapat meningkatkan penghayatan dalam pemahaman tentang maksud ayat dan makna kalimat Al-Quran yang dihafaz serta seterusnya akan menambahkan kekusyukan dalam membaca ayat Al-Quran
3. Penulisan Mengikut Rasm Uthmani
Aktiviti menulis dapat menajamkan pemikiran seseorang dan kaedah penulisan ini pula perlu diwajibkan terhadap semua pelajar agar meniru sepenuhnya tulisan yang ada pada mashaf Uthmani apa yang terkandung di dalamnya bentuk-bentuk bacaan.
4. Latihan Sebagai Imam Solat
Program latihan sebagai imam solat merupakan satu nilai tambah dan pengayaan selain bertujuan untuk melancarkan hafazan, memantapkan ilmu tajwid serta mengasah suara supaya sedap didengar.
5. Tarannum atau Melagukan Bacaan
Selain dapat menguatkan ingatan, kaedah ini dapat menjadikan bacaan Al-Quran sedap didengar. Secara keseluruhan, ramai dalam kalangan para penghafaz Al-Quran mempunyai gaya lagu yang baik sama ada meniru qari-qari popular sekarang ini
6. Mendengar bacaan dari penghafaz qari Al-Quran
Dengan cara ini mereka boleh mendengar dengan teliti bacaan-bacaan yang diperdengarkan dengan memerhatikan hukum-hukum tajwidnya serta alunan irama bacaannya.

Pemeriksaan Penyelidikan Dalam Pendidikan Al-Quran

Penyelidikan dan kajian dianjurkan Islam sebagai prasyarat bagi sebarang perubahan yang akan dilakukan. Islam menuntut umatnya melakukan perubahan-perubahan yang positif yang menampilkan peningkatan, perkembangan dan kemajuan dari seluruh aspek kehidupan. Lebih-lebih lagi, penyelidikan dan pembangunan dalam pendidikan Al-Quran bukan sahaja dapat mengembangkan inovasi yang baharu bahkan dapat memastikan produk huffaz yang ingin dilahirkan tercapai dengan jayanya.

Keperluan penyelidikan dalam pendidikan Al-Quran sangat penting bagi membangunkan suatu kurikulum tahfiz yang tuntas dan holistik. Walau bagaimanapun, setiap penyelidikan memerlukan perancangan yang perlu dilihat dari segi kebolehan perlaksanaannya dengan meninjau faktor masa, sumber kewangan, sumber manusia dan sumber fizikal yang diperlukan. Hasil-hasil penyelidikan yang dilakukan pula, akan disampaikan atau dibentangkan melalui pelbagai medium pembentangan seperti seminar, kolokium dan simposium.

KESIMPULAN

Pendidikan di institusi tahfiz adalah holistik. Oleh itu, penyelarasan, pembangunan, penaziran, pemantapan dan pemerkasaan pengurusan urus tadbir institusi tahfiz negara perlulah mengambil kira akan dasar pendidikan kebangsaan dan peraturan yang sedia ada di seluruh negara agar menjadi model pendidikan yang unggul dan berkesan. Justeru, kecemerlangan warisan Islam di Andalus perlu diterapkan demi mewujudkan kembali kegemilangan Islam terhadap institusi tahfiz sama ada ilmu fardu ain mahupun ilmu fardu kifayah.

RUJUKAN

- Abdullah, H. (2018, Februari 16). Guru tahfiz tak berkualiti?. *Utusan Malaysia*. Retrieved from: https://www.ukm.my/pkk/wp-content/uploads/bsk-pdf-manager/160218-Guru_Tahfiz_Tak_Berkualiti-Utusan_1607.pdf
- Abdul Hadi, A. Z. S., & Abd. Latif, M. A. N. (2016). Pengayaan, Pengukuhan dan Pemulihan dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Quran: Kajian Di Beberapa Sekolah Tahfiz Terpilih di Kelantan. In book: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edition: 1, Publisher: Darul Quran JAKIM.
- Abd Latip, M .S. (2018). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Pilihan Ibu Bapa dan Penerapan Ketamadunan Islam Di Andalus Dalam Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam dan Ilmu Wahyu (ICIRKED 2018), Dewan Konvensyen e-Learning Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 27-28 November 2018
- Abdul Manaf, A. (2001). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Abdul Manaf, U. K., Ilias, N. F., & Nor Azman, A. H. (2015). Academic expectations of MARA stakeholders on the Ulul Albab curriculum at a MARA Junior Science College. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 3(1), 47-59.
- Abdullah, M., Abdullah, A.H & Rosman, A.S. (2015a). Identifikasi Peranan Ibu Bapa Dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (Ispen 2015) Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa. Retrieved From https://www.researchgate.net/publication/299299916_Identifikasi_Peranan_Ibu_Bapa_Dalam_Memastikan_Kelangsungan_Pendidikan_Tahfiz_Anak-Anak
- Abdullah, M., Abdullah, A.H., Rosman, A.S. & Ilias. (2015b). Pendidikan Tahfiz Di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. International Conference On Islamic Education And Social Entrepreneurship Di Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi Pada 12-14 Oktober 2015
- Abdullah, M., & Yakob, M. A. (2003). Pengajian Tafsir Di Kelantan: Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Usuluddin*, 17, 107-122.
- Abdullah, S. (2001). Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu : Satu Analisis, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Adam, R. (1991). Maktab Melayu Melaka 1900-1922. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms. 3
- Ahmad, M .Y. (2004). Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Ahmad, M. Y. (2015). Institut Pendidikan Al-Quran Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ahmad, N. (2015). Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz Di Malaysia. In Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV (pp. 1–24). Retrieved from http://eprints.um.edu.my/13634/1/kertas_kerja_multaqa_huffaz.pdf

- Al-Khuli, M. A. (1985). *Cahaya Islam*. Jakarta: CV. Pedoman Ilmu Jaya.
- Aman, A. & Aros, A.M. (2016). Sejarah Perdagangan Maritim Ryukyu Serta Hubungannya Dengan Melaka. *Sejarah*, 2(25), 63
- Amin, M. H., & Jasmi, K. A. (2012). *Sekolah Agama Di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Johor, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Amir, A. N. (2018). Warisan Kegemilangan Pendidikan Islam Di Andalus. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 49-61
- Ariffin, S. (2012). Kaedah menghafal al-Qur'an di Institusi Tahfiz al-Qur'an di Malaysia: kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, Jakim dengan kaedah al-Huffaz. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Awang, R. (2006). *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Skudai: Penerbit UTM, ms. 3-4.
- Borham, A.D. (2014). Islam Di Nusantara. Kolokium Islam Pahang 'Meraikan Ilmu' Anjuran Muzium Negeri Pahang Di Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang Pada 18 Mac 2014, ms. 1-20
- Che Lah, F. (2017, Disember 11). Cemerlang dunia akhirat. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/12/292752/cemerlang-dunia-akhirat>
- C.M.Turnbull. (1972). *The Straits Settlements 1826-1867 Indian Presidency To Crown Colony*. London: The Athlone Press, ms. 223
- Darusalam, G. (2001). *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Utusan Publications & Distributors, ms. 351
- Darul Quran. (2006). *Sejarah Darul Quran*. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM. Kuala Kubu, Selangor, Malaysia.
- Halimi, A. J. (2008). *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Hameed, A. A. G., Abdulaziz, A. M., Nur, M. A., & Mohd Zarif M. M. (2003). *Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial, KUIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Hasbullah, H. (1988). *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Hassan, M. S. (2016, Julai 12). Dulu tak solat, kini imam. 12 Julai. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/07/151155/dulu-tak-solat-kini-imam>
- Idris, M. R. (2016). *Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941*. Tesis Doktor Falsafah. Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, ms. 92.
- Irsyad al-Hadith Siri ke-111. (2016, September 01). Hafiz Al-Quran Dipakaikan Makhkota Dan Dapat Memberi Syafaat Kepada 10 Orang Ahli Keluarga. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1112-irsyad-al-hadith-siri-ke-111-hafiz-al-quran-dipakaikan-makhkota-dan-dapat-memberi-syafaat-kepada-10-orang-ahli-keluarga>
- Ishak A. (1995). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms. 4.
- Ishak, A. (1990). *Islam Di Nusantara (Khusus Di Tanah Melayu)*. Selangor, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia
- Ismail, S. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. In *Simposium Antarabangsa Tahfiz*, ms. 194–201.
- Ismail, S., (2018). *Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model*. Muzakarah Institusi Tahfiz Negara At: Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah. Retrieved

from

https://www.researchgate.net/publication/328730283_sejarah_perkembangan_dan_status_terkini_pengajian_tahfiz_di_malaysia

- Ishak, M.Z & Zakaria, Z. (2000). *Agihan Ekonomi Penduduk: Melaka Pusat Dagangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Pinang Sdn Bhd
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). [Strategy of Tahfiz Al-Quran Excellence in Malaysia: A Literature Survey] *Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur*. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 51-60.
- Jamaluddin, M. N. (2010). Cara menghafaz al-Qur'an kaedah al-Munawwar. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kaedah Menghafaz al-Qur'an Peringkat Negeri Johor. Malaysia: Jabatan Agama Johor.
- Kamaruddin A. Said. (2007). *500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran*. Selangor: Kris Publication
- Kamaruddin, M. (2017, Disember 14). Jangan paksa anak jadi doktor. *Utusan Malaysia*. Retrieved from: <https://madeinuitm.com/jangan-paksa-anak-jadi-doktor/>
- Kamaruddin, S., Muslat, M.W. & Salleh, M.A. (2017). *Sistem Pendidikan Sekular Dalam Pertumbuhan Dan Perkembangan Pendidikan Masa Kini*. National Pre University Seminar 2017 (Npreus2017), Rhr Hotel, 23 Ogos 2017. E-ISBN: 978-967-2122-11-1
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010). *Hala Tuju Pengajian Islam Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Khalid, M. Y. (2002). Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah, Dlm. *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam Era Globalisasi*, Muhammad Yusuf Khalid et.al (Eds.). Kuala Lumpur, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia, ms. 33.
- Mail, H.A.A. (2011). Kesultanan Melayu Tradisional: Satu Analisis Ke Atas Peranan Sultan Dalam Kegiatan Ekonomi. *Jurnal Darussalam*, 11 (6-32), 1-53
- Masyhuri, I. (1993). *Fadhilat Membaca Dan Menghafal al-Qu'ran Serta Panduan Menghafalnya*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurul Has
- Meerangani, K. (2019). Peranan Ulama Dalam Penyebaran Ajaran Islam Di Pulau Besar, Melaka (The Role of Muslim Scholars in Spreading the Teaching of Islam in Pulau Besar, Melaka). *Journal Of Al-Tamaddun*, 14(2), 65-74. Available at: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/17134>. Date accessed: 13 apr. 2020. doi: <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.6>
- Mohd Arshad, A. (2017). Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(4), 22-35.
- Mohd Balwi, M.K. (2005). *Budaya Perniagaan Dan Perdagangan Melayu Dalam Teks Melayu*. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 15, ms. 1-21
- Md Naw, N. H., Yusuff, N. A., Che Yaacob, M. B., & Salleh, N. H. (2014). *Matlamat Dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*. 4th International Conference And Exhibition On Islamic Education Di Hotel Perdana Kota Bharu Kelantan Pada 31 Mei-2 Jun 2014.
- Mohd Naw, M. Z., Omar, M. R., & Mohd Nor, M. A. (2020). *Pendidikan Tahfiz Sepadu Dunia Akhirat*. Selangor, Sungai Buloh: Santai Ilmu Publication. ISBN: 978-967-2361-33-6. Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/347518029_Pendidikan_Tahfiz_Sepadu_Dunia_Akhirat
- Mohd Nor, M.R. & Wan Othman, W.M.T. (2011). *Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia*. *Jurnal At-Ta'dib*. 1(6), ms. 1-20
- Mohd Noor, F. (1993). *Penghafalan Al-Quran Di Kalangan Wanita: Satu Kajian Dimaahad Tahfiz*, Pusat Islam. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.

- Raieh, R. (2017, April 04). Sekolah tahfiz dah semakin relevan, untungnya.. akademik hebat, agama pun dapat! *GPS Bestari*. Retrieved from <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/sekolah-tahfiz-dah-semakin-relevan-untungnya-akademik-hebat-agama-pun-dapat-1.653776>
- Ramli, M. I., & Abu Bakar, M. Z. (2013). Kearifan Tempatan Dalam Institusi Sekolah Pondok: Kajian Kes Malaysia. Paper presented in Persidangan Serantau Kearifan Tempatan (RCLK 2013). Sutra Beach Resort, Setiu, Terengganu. 6-7 Oktober 2013
- Rawi, M.M., Baharuddin, H., Lubis, M.A. & Romli, S.A. (2015). Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed) di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ms. 10.
- Sertima, I.V. (pnyt.). (1991). *The Golden Age of the Moor*. New Jersey, USA: Transaction Publishers.
- Sidek, N. (2019). Sejarah Permulaan Sistem Pendidikan Sekolah Pondok Di Tanah Melayu. Retrieved Form: <https://iluminasi.Com/Bm/Sejarah-Sistem-Pendidikan-Sekolah-Pondok-Di-Tanah-Melayu.Html>
- S. Q. Fatimi (1963). *Islam Comes To Malaysia*, Singapore: MSRI.
- Surtahman, A. W. (2009). Tuan Guru Hj. Ghazali b. Abdullah : sumbangan dalam penubuhan pondok tunjang, Kelantan dan penerbitan majalah al-fununiah . Proceeding of Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamuc Civilization, ms. 135-150
- Talib, N. H. F, Mohd Syafie, B. H & Tamuri, A. H. (2017). Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu SorotanTinta Artikulasi Membina Ummah 3(1), ms. 115-127, e-ISSN: 2289-960X
- Tamuri, A. H., & Jasmi, K. A. (2009). Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini in Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, pp. 35-57. ISBN: 978-983-9368-43-7.
- Ulwan, A. N. (2015). *Tarbiyatul Aulad (Edisi Terjemahan)*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- UM [Universiti Malaya]. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Buku Teks TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, ms. 165.
- Yahaya, M., Rashed, Z.N., & Selamat. (2018). Isu Dan Cabaran Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke 3 Di Kuis, ms. 1-9. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/329442744_isu_dan_cabaran_pendidikan_tahfiz_satu_analisis
- Yahaya, M. (2001). *Islam Di Alam Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms. 1
- Yusof, A. M. (2008). Sumbangan Ulama Andalusia dalam Ilmu Tafsir, al-Bayan, 6, ms. 33-51
- Zakaria, M. (2017, Januari 18). Sekolah agama Jais jadi rebutan, Jais perlu buat penilaian khas, peperiksaan untuk kemasukan ke SRAI. *GPS Bestari*. Retrieved from <https://www.gpsbestari.com/berita/selangor/sekolah-agama-jais-jadi-rebutan-jais-perlu-buat-penilaian-khas-peperiksaan-untuk-kemasukan-ke-srai-1.613556>